

**UMNO
TEMPAH
MAUT?**

MENGENAI PENGARANG

Tarikh & Tempat Lahir:
12 Ogos 1941, Kepala Batas, P. Pinang.

Pendidikan:
Peringkat SPM

Pekerjaan:
Penerbit & Editor Perunding

Pengalaman:
Sidang Pengarang Warta Mingguan,
Utusan Zaman dan Mingguan Malaysia.
Pengarang URTV dan Majalah Kritik.
Columnist dalam Mingguan Kota,
dan Mingguan Politik.

Hasil Karya:
Novel:
Peristiwa Patah Dahan.
Debar Dalam Gempa. Naga-Naga.

Politik:
UMNO Jalan Seribu Liku. Skandal BMF. Konflik
Istana dan Parlimen. Dilema Barisan Nasional.
Mengapa Datuk Musa Letak Jawatan?
Analisa Pilihanraya Umum '86.
Shahir Lawan Mahathir?
BN & APU Siapa Berkuasa?
Mahathir Machiavelli Malaysia?
Antara Mimpi & Harapan.
Analisis Pilihanraya Umum '90.
UMNO Tempah Maut?

Buku Umum:
Gapena Antara Politik & Sastera

Kegiatan Sosial:
Sebausaha Persatuan Penulis Pulau Pinang & Sb. Prai.
Ketua Satu Angkatan Penulis Kreatif Solangor.
AJK, Bendahan & Pemeriksa Kira-kira Gapena.

Anugerah:
Pelita Bangsa, anugerah Persatuan Penulis
Negeri Pulau Pinang (2PNP) 1989.

UMNO TEMPAH MAUT?

ZAKRY ABADI



Syarikat S. Abdul Majeed
Bahagian Penerbitan

KEMASUKAN UMNO KE SABAH

Syarikat S. Abdul Majeed
2210 Malayan Mansion
Jalan Masjid India
50100 Kuala Lumpur

Hakcipta Terpelihara: *Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.*

Cetakan Pertama 1991
© Hakcipta: Zakry Abadi

M
324. 2595U
ZAK

Diatur huruf oleh:
Grafik Set,
28A, Jalan Mawar, Taman P. Ramlee,
53000 Kuala Lumpur.

570180

Dicetak oleh
Polygraphic Marketing Sdn. Bhd.
Lot 14, Jalan 1, Kawasan Perusahaan, Cheras Jaya
Balakong, Batu 11, 43200 Cheras,
Selangor Darul Ehsan.

PENDAHULUAN

SU kemasukan Sabah ke dalam Persekutuan Malaysia dan konflik kepimpinan politik antara Kota Kinabalu dengan Kuala Lumpur, tidak habis-habis diperkatakan oleh mereka yang terlibat dan oleh mereka yang berminat di dalam pergolakan politik di Malaysia. Isu-isu ini menjadi lebih kontroversial menjelang Pilihanraya Umum 1990 yang lalu, terutamanya apabila parti pemerintah Sabah (PBS) yang diberi mandat memerintah negeri tersebut untuk tempoh lima tahun yang akan datang, telah mengisytiharkan partinya keluar daripada Barisan Nasional dan menyokong konsep Gagasan Rakyat.

Tindakan PBS itu menimbulkan kontroversi dan konflik yang menggemparkan di kalangan kepimpinan politik, terutama pemimpin-pemimpin UMNO dan Barisan Nasional. Ini kerana tindakan PBS keluar daripada Barisan Nasional menjelang saat-saat pilihanraya itu, dianggap sebagai suatu percubaan untuk menikam Barisan Nasional dari belakang. Akibat daripada tindakan parti PBS pimpinan Datuk Sri Joseph Pairin Kitingan itu, pemimpin UMNO telah mengambil tindakan balas dengan menubuhkan UMNO di negeri Sabah.

Di dalam buku ini, saya cuba membuat beberapa sorotan dan analisis berhubung dengan isu-isu tersebut, berdasarkan sejarah, geografi, sosio-budaya dan realiti politik semasa yang wujud di negeri Sabah dan yang ada hubungkaitnya dengan Semenanjung dan pembentukan negara Malaysia.

Berdasarkan sorotan dan analisis ini, pembaca akan mendapat suatu gambaran yang lebih jelas tentang sebab-sebab mengapa isu Sabah dan konflik kepimpinan politik antara Kuala Lumpur dengan Kota Kinabalu ini terus menerus terjadi, dan pembaca juga akan dapat membuat kesimpulan yang tersendiri sama ada selepas kemasukan UMNO ke negeri Sabah itu nanti, konflik kepimpinan politik antara kedua-dua pihak itu dapat dihentikan atau tidak.